

# Penjawat awam digesa tingkat prestasi perkhidmatan

**Putrajaya:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa penjawat awam meningkatkan prestasi selaras dengan kenaikan gaji pada bulan ini susulan pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuat kuasa kelmarin.

Beliau berkata, prestasi cemerlang diperlukan memandangkan rakyat mengharapkan perkhidmatan yang lebih baik daripada sektor awam.

Anwar yang juga Menteri Ke-

wangan menegaskan, kerajaan bersetuju dengan pelaksanaan kenaikan gaji yang bertujuan mengiktiraf kakitangan penjawat awam.

Kenaikan gaji itu juga adalah sesuatu yang adil untuk diberikan, namun rakyat sentiasa mahu melihat perubahan pada seluruh sistem perkhidmatan awam sama ada peringkat akar umbi mahupun kementerian.

"Seperti yang kita janjikan. Tahniah kepada yang dapat kenaikan, tapi saya hanya meng-

harapkan, prestasi yang jauh lebih baik kerana rakyat mengharapkan sesuatu yang lebih baik.

"Dan ada beberapa langkah oleh KSN untuk memperkenalkan pembaharuan perkhidmatan awam, saya harap ia mendapat sokongan penuh kerana orang mahu lihat di peringkat akar umbi, di daerahnya, di kementerian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perhimpunan Bulanan

bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini semalam.

## Tak pernah terpukau pujian

Anwar berkata, prestasi penjawat awam perlu sentiasa dipertingkatkan dan pada masa sama beliau turut menekankan konsep kecemerlangan dalam amal.

"Dia tidak pernah terpukau dengan pujian dan pengiktirafan. Selalu mengatakan bahawa keupayaan manusia itu boleh ditingkatkan lebih daripada apa yang kita laksanakan selama

ini," katanya.

Sebelum ini, seramai 85 peratus penjawat awam dilaporkan sudah menandatangani opsyen SSPA, empat hari sebelum ia berakhir pada Jumaat lalu.

Pelaksanaan SSPA yang menggantikan Skim Saraan Malaysia (SSM) mulai 1 Disember 2024 menyaksikan kumpulan pelaksana menikmati pelarasan gaji tertinggi sehingga 42.7 peratus, manakala tujuh peratus bagi kumpulan pengu-rusan tertinggi.



Anwar beramah mesra bersama warga JPM pada Majlis Perhimpunan Bulanan bersama Warga JPM, di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof.  
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)